



Kesan Penggunaan E-modul ke atas Sikap Pelajar Tingkatan Enam

Thana Letchumi^{a*}, Khoo Yin Yin^b and Zainizam Zakariya^c

^{a, b, c} Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

*lavana_tvt@yahoo.com

Abstract : *Pengintegrasian e-pembelajaran menjadi satu trend baru dalam bidang pendidikan. Dalam memenuhi keperluan tersebut, maka e-modul diaplikasikan ke atas pelajar. E-modul merupakan satu bentuk modul melalui web percuma yang dibangunkan melalui perisian Padlets. Kandungan e-modul terdiri daripada bahan nota, video, koleksi soalan tahun-tahun lepas dan kemudahan berkomen. E-modul berupaya digunakan secara fleksibel di mana sahaja menggantikan media cetak. Maka, kertas ini bertujuan untuk meninjau kesan sikap pelajar khususnya pelajar ekonomi tingkatan enam menggunakan e-modul. Seramai 240 orang pelajar dari Kolej Tingkatan Enam Perak dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen dan data digunakan untuk menganalisis data untuk mendapatkan perbezaan sikap pelajar antara kumpulan eksperimen (EM) dan kumpulan kawalan (KW) dalam menggunakan e-modul. Hasil dapatan menunjukkan perbezaan skor min bagi sikap pelajar ekonomi antara kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan EM berbanding kumpulan kawalan (Kw) terhadap penggunaan e-modul dalam mata pelajaran Ekonomi. Justeru itu, pihak Kolej Tingkatan Enam perlu mengambil inisiatif bagi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan menggunakan e-modul dalam melestarikan e-pembelajaran.*

Kata kunci : kesan, e-modul, sikap, pembelajaran dan pemudahcaraan, pelajar ekonomi Tingkatan Enam

Klasifikasi JEL: A21

1. Pengenalan

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di seluruh dunia telah mengalami revolusi dengan pengenalan kaedah pembelajaran moden terutamanya dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Keadaan ini menggalakkan pembelajaran digital sebagai kaedah penyampaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang terkini. Pembelajaran digital menjadi satu platform yang membolehkan pelajar mengakses sumber pendidikan secara sendiri tanpa mengira masa dan tempat belajar melalui pembelajaran atas talian (Hazwani & Dalbir, 2016) Berikutan perkembangan pembelajaran secara digital, maka wujudlah e-modul iaitu modul elektronik menggantikan media cetak ala konvensional. E-modul merupakan satu gabungan dan susunan modul yang mempunyai pelbagai aktiviti pembelajaran mengikut kebolehan pelajar. E-modul dipaparkan dalam web dengan pelbagai variasi dan komponen yang tidak terdapat dalam bentuk modul fizikal seperti video, animasi dan grafik. Penyusunan modul dalam talian memberikan satu kesan yang positif dalam

kalangan pelajar dan guru serta sangat relevan untuk mewujudkan satu persekitaran yang kondusif (Porcaro 2016).

Pengenalan mata pelajaran elektif Ekonomi pada peringkat prauniversiti dalam sistem pendidikan sebagai salah satu usaha mewujudkan modal insan yang diperlukan untuk perluasan bidang perindustrian (MPM, 2017). Walaubagaimanapun, ekonomi dianggap sebagai satu mata pelajaran yang membebankan dalam kalangan pelajar di mana pelajar perlu menguasai tiga kemahiran ekonomi iaitu teori, penganalisisan dan aplikasi (Yin 2019). Keadaan ini menjadi salah satu cabaran kepada guru dalam meningkatkan sikap positif dalam kalangan pelajar ekonomi. Hal ini akan memberikan impak yang negatif ke atas pembelajaran pelajar malah mempengaruhi tahap penguasaan para pelajar dalam kemahiran Ekonomi (Mat Isa & Mahamod 2021). Maka e-modul digunakan dalam kajian ini untuk matapelajaran ekonomi tingkatan enam yang dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar untuk mencapai keputusan cemerlang.

Sikap memainkan peranan yang penting dalam memantapkan pembelajaran seseorang pelajar. (Gao, Li & Liu, 2021). Maka “*Spoon feeding*” menjadi satu budaya sehingga sekarang dan menjadi faktor dan cabaran utama dalam Tingkatan Enam. Menurut Maimunah & Hashimah (2017), “*spoon feeding*” menjadi satu tabiat yang mempengaruhi sikap pelajar yang lebih berpusatkan guru. Keadaan yang sama berlaku apabila guru memberikan segala maklumat dan nota yang diperlukan oleh pelajar berikutan kesuntukan masa oleh guru mengikut rancangan sukatan yang disediakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Menurut Maimunah dan Hashimah (2017), pelajar-pelajar juga terpaksa mengingat fakta dan teori ekonomi tanpa menguasai dan mendalami konsep ekonomi untuk diaplikasikan dalam kegunaan seharian. Keadaan ini secara langsung memberikan impak ke atas sikap pelajar. Ini berikutan disebabkan oleh perbezaan gaya pembelajaran dan tahap kognitif pelajar yang berbeza. Justeru e-modul diaplikasikan untuk menguji sikap pelajar ekonomi dalam meningkatkan sikap pelajar tingkatan enam.

Sehubungan dengan itu, gabungan teknik pengajaran dan pembelajaran moden diperlukan selaras dengan keperluan pelajar dan sistem pendidikan di Malaysia (Asmawati, 2019). Seajar dengan itu, e-modul menerusi Padlet diimplikasikan di dalam mata pelajaran ekonomi tingkatan enam untuk mengenal pasti kesan sikap pelajar ke atas e-modul ekonomi. Walaupun terdapat kajian berkaitan e-modul namun penggunaan e-modul spesifik untuk ekonomi tingkatan masih belum dikaji. Kajian ini sangat penting berikutan dasar pendidikan negara mencapai pembelajaran digital secara langsung dan menjadi titik pengenalan pembelajaran digital kepada warga pendidik. Justeru kajian ini bertepatan dengan keperluan semasa untuk melihat sikap pelajar mengikuti pembelajaran menggunakan e-modul seiring melestarikan penggunaan kaedah e-pembelajaran.

2. Pernyataan masalah

Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh pihak sekolah dan guru dalam menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti mengadakan kelas tambahan, teknik menjawab soalan dan ceramah motivasi di sekolah. Namun sehingga kini, pelajar ekonomi tingkatan enam pada peringkat kebangsaan masih terlalu rendah (Ambatong & Abdullah, 2020) dan menunjukkan jumlah peratusan pelajar yang ramai gagal seperti dalam jadual 1 di bawah.

Tahun	Jumlah Calon	Gagal (%)
2011	16901	44.75
2012	16501	40.81
2013	17405	61.69

2014	14077	62.16
2015	13745	60.70
2016	13761	55.60
2017	14249	54.88
2018	13485	57.44
2019	14732	45.40
2020	15008	45.80

Jadual 1: Jumlah Pelajar Ekonomi Gagal dari Tahun 2012 hingga 2019

Mengikut jadual 1, pencapaian pelajar ekonomi dalam peperiksaan tinggi menunjukkan paras yang sederhana berikutan ramai pelajar gagal berada dalam kelompok peratusan yang tinggi berbanding dengan jumlah calon pada setiap tahun. Menurut Ishak, Abdul Manaf & Mat Zin (2018), sikap menjadi satu faktor dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dan mempunyai kaitan dengan kelemahan penguasaan subjek ekonomi dalam kalangan mereka. Tambahan lagi, ekonomi digolongkan sebagai satu subjek pelajaran yang sukar dan pelajar juga mengasingkan mata pelajaran ekonomi sebagai satu mata pelajaran dengan peratus beban yang tinggi untuk memahami teori serta konsep berbanding mata pelajaran yang lain (Khoo, 2018).

Menurut Zuaini, Aziah & Rosliza (2018), sikap menjadi satu faktor dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dan mempunyai kaitan dengan kelemahan penguasaan subjek ekonomi dalam kalangan mereka. Tambahan lagi, ekonomi digolongkan sebagai satu subjek pelajaran yang sukar dan pelajar juga mengasingkan mata pelajaran ekonomi sebagai satu mata pelajaran dengan peratus beban yang tinggi untuk memahami teori serta konsep berbanding mata pelajaran yang lain (Khoo, 2018). Selain itu, didapati pelajar tingkatan enam tidak mempunyai buku teks mengikut kehendak silibus Ekonomi. Maka, pelajar mendapati mereka berasa bosan dengan cepat dan tidak berminat untuk belajar sendiri menggunakan buku rujukan yang tebal dan terlalu banyak dengan info (Murat, Din & Alias 2018). Justeru, sikap yang tidak positif menyebabkan pelajar mengalihkan perhatian pelajar dari pembelajaran (Saidin & Husnin, 2021). Sehubungan dengan itu, sikap menjadi satu fokus penting dalam mengubah persepsi pelajar ke atas subjek ekonomi (Agir, 2019). Berikutan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru diperlukan dalam mengubah prestasi dan sikap pelajar (Hanim, 2018).

3. Objektif Kajian

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sikap pelajar menggunakan e-modul ekonomi menerusi aplikasi Padlets dalam pembelajaran ekonomi tingkatan enam. Selaras dengan objektif kajian, maka persoalan kajian yang dikemukakan iaitu apakah tahap sikap pelajar ekonomi tingkatan enam menggunakan e-modul menerusi aplikasi Padlets dalam pembelajaran ekonomi tingkatan enam.

4. Sorotan Literatur

Irwansyah et al., 2017 telah menjalankan satu kajian bertujuan untuk membangunkan satu modul elektronik ke atas pelajar kimia. Hasil dapatan menunjukkan e-modul yang dibangunkan boleh digunakan dengan nilai peratusan sebanyak 85.77 peratus. Dapatan kajian mendapati berlaku pertambahan 28 peratus ke atas perubahan sikap dalam pembelajaran kimia yang menggunakan e-modul tersebut dalam pengajaran. Ini berikutan pengajaran ala tradisional terlalu kerap digunakan tidak dapat merangsang minat dan sikap mempelajari Matematik.

“ *Spoon feeding* ” merupakan satu budaya yang masih wujud dan menjadi cabaran utama dalam Tingkatan Enam. Menurut Hashim & Davi (2017), “ *spoon feeding* ” menjadi satu tabiat yang mempengaruhi sikap pelajar yang lebih berpusatkan guru. Keadaan yang sama berlaku apabila guru

memberikan segala maklumat dan nota yang diperlukan oleh pelajar berikutan kesuntukan masa oleh guru mengikut rancangan sukatan yang disediakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Menurut Hashim & Davi (2017) (2017), pelajar-pelajar juga terpaksa mengingat fakta dan teori ekonomi tanpa menguasai dan mendalami konsep ekonomi untuk diaplikasikan dalam kegunaan seharian. Keadaan ini secara langsung memberikan impak ke atas sikap pelajar. Ini berikutan disebabkan oleh perbezaan gaya pembelajaran dan tahap kognitif pelajar yang berbeza. Menurut Ishak, Abdul Manaf & Mat Zin (2018), sikap menjadi satu faktor dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dan mempunyai kaitan dengan kelemahan penguasaan subjek ekonomi dalam kalangan mereka. Tambahan lagi, ekonomi digolongkan sebagai satu subjek pelajaran yang sukar dan pelajar juga mengasingkan mata pelajaran ekonomi sebagai satu mata pelajaran dengan peratus beban yang tinggi untuk memahami teori serta konsep berbanding mata pelajaran yang lain (Khoo, 2019).

Kajian lain oleh Astalini et al., (2019) telah menguji keberkesanan menggunakan e-modul bagi subjek fizik. Kajian ini melibatkan 65 pelajar untuk menguji prestasi dan sikap pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar kumpulan eksperimen menunjukkan peratusan tertinggi berbanding dengan kumpulan rawatan. Penggunaan e-modul memberikan kesan yang positif ke atas sikap pelajar berbanding dengan buku bercetak. Kajian lain ke atas pelajar pintar juga mendapati Che Suriani & Fariza (2012) mendapati pembelajaran kaedah moden di dalam kelas menunjukkan memberi kesan ke atas sikap pelajar khususnya pelajar pintar yang terdiri daripada 80 orang pelajar di Pusat permata Pintar Negara. Kajian lain oleh Che Zaniriah & Fadzilah (2012) juga menunjukkan peningkatan sikap pelajar serta kefahaman subjek yang dipelajari dan terdapat perubahan dalam kelakuan pelajar itu sendiri. Berikutan sikap merupakan elemen penting untuk dikaji dalam membentuk satu persekitaran pembelajaran yang interaktif dalam menggunakan e-modul.

5. Metodologi

5.1. Peserta Kajian

Kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan seramai 260 orang pelajar ekonomi tingkatan enam melalui teknik rawak mudah. Kajian ini melibatkan 3 buah Kolej Tingkatan Enam.

5.2. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Instrumen soal selidik yang digunakan diadaptasi dan diubahsuai daripada Ainun, Zamri, & Wan Muna (2017) serta Nasir & Hamzah (2014) dalam kajian ini. Perisian “Statistical Packages For Social Sciences” (SPSS) versi 23 untuk menganalisis data dalam kajian ini. Data kajian dianalisis mengikut deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan dan min. Borang soal selidik ini merangkumi 10 item yang merangkumi 2 bahagian iaitu Bahagian A mengandungi 4 item tentang demografi responden. Bahagian B mengandungi 10 item tentang sikap menggunakan e-modul dalam pembelajaran. Data dikutip menggunakan skala likert 5 iaitu “amat tidak setuju”, “tidak setuju”, “neutral”, “setuju” dan “amat setuju”. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 53 orang pelajar untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai pekali kebolehpercayaan bagi kajian ini adalah 0.7 dengan menggunakan kaedah Cronbach Alpha. Skor min diinterpretasi dengan merujuk panduan Landel (1997) mengikut kajian yang dijalankan oleh Razali et al (2017). Skor min diubahsuai dan ditetapkan berdasarkan jadual 2 di bawah.

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah (Respon negatif)
2.34 - 3.67	Sederhana (Respon neutral)

3.68 - 5.00

Tinggi (Respon positif)

Jadual 2 : Tahap Kesesuaian Skor Min

Jadual 2 menunjukkan tahap sikap pelajar mengikut skor min. Skor min dari 1.00 hingga 2.33 menunjukkan sikap berada dalam tahap rendah (respon negatif) manakala skor min dari 2.34 hinggan 3.67 menunjukkan sikap pelajar berada pada tahap sederhana (respon neutral) dan seterusnya skor min dari 3.68 hingga 5.00 menunjukkan sikap pelajar yang tinggi (respon positif).

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam kajian ini, jantina, kaum, pengalaman menggunakan e-modul dan pencapaian ujian pertama diambil kira sebagai data demografi responden. Jadual 3 menunjukkan demografi responden yang merangkumi pelajar mengikut jantina kaum, pengalaman menggunakan e-modul serta pencapaian ujian pertama.

Demografi	Deskriptif	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	88	33.8
	Perempuan	172	66.2
Kaum	Melayu	145	55.8
	Cina	78	30.0
	India	32	12.3
	Lain-lain	5	1.9
Pengalaman Menggunakan E-modul	Ya	7	2.7
	Tidak	253	97.3
Pencapaian Ujian Pertama	1 -25	65	25.0
	26-51	108	41.6
	52-76	44	16.9
	77- 100	43	16.5

Jadual 3: Taburan Latar Belakang Responden

Bil	Pernyataan	1	2	3	4	5	Min
1.	Saya sangat suka mata pelajaran Ekonomi melalui penggunaan e-modul	6	14	75	107	58	3.73
2.	Belajar menggunakan e-modul merupakan idea yang bijak.	16	61	4	104	25	3.03
3.	Penggunaan e-modul menjadikan saya lebih berkeyakinan dalam menjawab latihan.	1	10	60	111	78	3.95
4.	Belajar menggunakan e-modul amat menyeronokkan.	2	7	33	77	141	4.30
5.	Saya berkongsi idea dan maklumat dengan rakan lain mengenai	2	10	59	132	57	3.87

	pembelajaran ilmu Ekonomi menggunakan e-modul.						
6.	Pembelajaran menggunakan e-modul meningkatkan penguasaan topik Ekonomi saya.	7	24	97	93	39	3.40
7.	Saya tahu menggunakan e-modul di dalam kelas.	11	36	118	54	4	3.28
8.	Belajar menggunakan e-modul memberikan persekitaran pembelajaran yang menarik.	14	37	84	84	41	3.37
9.	Saya berhasrat akan menggunakan e-modul pada masa yang akan datang.	3	9	65	119	64	3.87
10.	Secara keseluruhan, saya amat suka menggunakan e-modul dalam proses PdP.	15	28	72	102	43	3.48

Jadual 4 : Taburan kekerapan dan Min Sikap murid terhadap E-Modul

Jadual 4 menunjukkan responden mempamerkan dua sikap terhadap pembelajaran menggunakan e-modul iaitu bersikap sederhana (respon neutral) atau tinggi (respon positif). Sikap seronok belajar dengan menggunakan e-modul (skor min 4.30), berkeyakinan dalam menjawab latihan (skor min 3.95), berkongsi idea dan maklumat dengan rakan lain mengenai pembelajaran ekonomi (skor min 3.87) dan berhasrat menggunakan e-modul pada masa akan datang (skor min 3.87) diikuti suka mata pelajaran Ekonomi (skor min 3.73). Skor min bagi item-item tersebut menunjukkan sikap pelajar berada pada tahap tinggi (positif). Manakala item-item berikutnya menunjukkan sikap pelajar berada pada tahap sederhana atau neutral. Idea bijak menggunakan e-modul (skor min 3.03), tahu menggunakan e-modul (skor min 3.28), memberikan persekitaran pembelajaran yang menarik (skor min 3.37), meningkatkan penguasaan topik saya (skor min 3.40) dan diikuti saya amat suka menggunakan e-modul (skor min 3.48).

Ujian ANOVA digunakan untuk mengesan perbezaan skor min sikap pelajar ekonomi terhadap penggunaan e-modul antara kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan EM berbanding kumpulan kawalan (Kw). Hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.

Analisis Deskriptif			
	N	Min	Sisihan Piawai
Menggunakan e-modul (EM)	120	3.3775	.70818
Kawalan (KW)	120	2.9900	.70721
Keseluruhan	240	3.2875	.72199

Jadual 5 : Analisis Deskriptif Skor Sikap Pelajar Ekonomi Terhadap Penggunaan e-modul

Jadual 5 menunjukkan nilai skor min bagi sikap pelajar ekonomi keatas penggunaan e-modul antara kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan EM berbanding kumpulan kawalan (Kw). Nilai skor min sikap pelajar ekonomi keatas penggunaan e-modul bagi kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan EM adalah min = 3.3775 (SP = .70818) iaitu kedua tertinggi. Akhir sekali adalah nilai skor

min bagi kumpulan kawalan (KW) menunjukkan nilai skor min adalah sebanyak min = 2.9900 (SP = .70721) iaitu paling rendah berbanding kumpulan lain. Secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual 4 terdapat perbezaan skor min bagi sikap pelajar ekonomi antara kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan EM berbanding kumpulan kawalan (Kw) terhadap penggunaan e-modul dalam mata pelajaran Ekonomi.

7. Kesimpulan

Dapatan kajian ini mendapati pelajar suka dan seronok belajar ekonomi menggunakan e-modul ekonomi menerusi Padlets berbanding dengan penggunaan secara manual iaitu bahan bercetak dan kaedah tradisional. Kajian juga mendapati terdapat segelintir pelajar berasa penggunaan e-modul menerusi aplikasi Padlet memberikan ruang kepada pelajar untuk mencari maklumat dan berbincang dengan rakan-rakan lain. Keadaan ini dapat memberikan peluang pelajar untuk memberikan idea dan pendapat yang menjadi sumbangan dalam mengembangkan proses pembelajaran. Secara ringkasnya, dapatan kajian dapat menyimpulkan sikap pelajar ekonomi tingkatan enam terhadap penggunaan e-modul dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah positif meskipun nilai min agak rendah. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting untuk mengenalpasti sikap pelajar menggunakan kaedah e-modul dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) sebagai langkah utama dalam menyediakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang moden di samping mengembangkan pelbagai versi pembelajaran selaras dengan matlamat mewujudkan sistem pendidikan yang berkualiti seiring kemajuan teknologi di persada dunia.

Rujukan

- Ainun Rahmah Iberahim, Z. M. W. M. R. W. M. (2017). Pembelajaran Abad ke 21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77–88.
- Ambotang, A. S., Pilus, N., & Abdullah, C. A. Q. (1). Hubungan kerehah pelajaran dan beban tugas dengan tahap stres guru di sekolah menengah. *Jurnal Kinabalu*, 20.
- Asmawati (2019). Meningkatkan efikasi sendiri guru di malaysia terhadap kecenderungan pembelajaran generasi z dan alpha. *Journal of Management and Operation Research*, 1(13), 1.
- Astalini, Astalini & Darmaji, Darmaji & Kurniawan, Wawan & Anwar, Khairul & Kurniawan, Dwi. (2019). Effectiveness of Using E-Module and E-Assessment. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (IJIM)*. 13.
- Che Suriani Kiflee, S. A. H. F. K. N. M. & R. Y. (2018). Analisis kaedah multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar pintar dan berbakat. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 129–136.
- Che Zanariah, F. A. R. (2012). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67–77.
- Hashim, A. T., Dawi, A. H., Yusof, H., & Suppian, Z. (2012). Gaya pembelajaran pelajar tingkatan enam di Malaysia. *Malaysian Education Research Repository*, 5.
- Hazwani dan Dalbir (2016). E-pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dari perspektif, *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, 15(i), 1–14.
- Irwansyah, (2017). Designing interactive electronic module in chemistry lessons. *Journal of Physics: Conference Series*. 895.

- Ishak, Z., Abdul Manaf, N., & Mat Zin, R. (2008). Faktor penentu prestasi pelajar matrikulasi dalam subjek perakaunan. *Malaysian Journal Of Learning And Instruction*, 5, 99-115
- Landel (1997). The effects of patellar taping on stride characteristics and joint motion in subjects with patellofemoral pain. *The Journal of orthopaedic and sports physical therapy*, 26(6), 286–291.
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 93-107.
- Mohd Razali, Siti & Rusiman, Mohd & Gan, W & Arbin, N. (2018). The Impact of Time Management on Students' Academic Achievement. *Journal of Physics: Conference Series*. 995.
- MPM. (2019). Laporan Tahunan 2019: Laporan Ekonomi Peperiksaan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia 2011-2019. *Majlis Peperiksaan Malaysia*, 1–96.
- Nasir, Z. , & Hamzah, Z. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134
- Porcaro, Pauline & Jackson, Denise & Mclaughlin, Patricia & O'Malley, Cindy. (2016). Curriculum Design of a Flipped Classroom to Enhance Haematology Learning. *Journal of Science Education and Technology*. 25.
- Yin, K. Y., Ahmad, N. A., Zakariya, Z., Razak, A. A., & Lok, S. Y. P. (2019). An exploratory study in using music videos among pre-service teachers: Sing along with economics concepts. *Universal Journal of Educational Research*, 7(9), 2003–2007.